

Minda Pengarang

IMRAN MOHAMAD NOR



Banjir kilat: Rakyat sudah penat!

KINI Disember tidak lagi sinonim dengan musim banjir seperti 50 tahun lalu. Perubahan iklim memungkinkan banjir boleh saja terjadi pada Januari, Februari, Mac, April atau Mei ataupun pada bulan-bulan lain tanpa dijangka.

Terdapat dua kategori banjir di Malaysia iaitu banjir kilat dan banjir besar. Banjir kilat berlaku apabila curahan air hujan berlebihan dalam tempoh yang singkat sehingga menyebabkan kenaikan paras air secara mendadak. Manakala banjir besar adalah suatu bencana alam yang tidak dapat diduga yang melibatkan kawasan yang begitu luas dilimpahi air serta aras air pula mencapai ketinggian yang luar biasa.

Kedua-dua banjir ini terjadi akibat perubahan iklim dan tiupan angin Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya yang mempengaruhi taburan hujan di Malaysia dan air pasang.

Pembangunan pesat sesebuah negeri di Malaysia terutamanya di ibu negara tanpa disusuli dengan sistem perparitan sempurna turut mengundang kepada berlakunya banjir atau banjir kilat. Terbaharu, banjir kilat yang melanda Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur pada 22 Ogos lalu menenggelamkan kira-kira 50 kenderaan yang diletakkan berhampiran Sungai Gombak.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenal pasti 39 lokasi utama banjir kilat di sekitar ibu negara (25 kawasan lama dan 14 kawasan baru). Antara kawasan itu ialah Jalan Syed Putra, Jalan Peel, Jalan Dutamas dan Jalan Pahang, Jalan Maharajalela, Jalan Raja Chulan, Jalan Genting Kelang (Utar dan Shell), Lorong Titiwangsa 11, Jalan Pahang Barat dan Jalan Tun Razak. Kerugian akibat banjir kilat ini mencecah ratusan jutaan ringgit kerana ia melibatkan harta benda dan infrastruktur.

Mengikut Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), negara mencatatkan kerugian sejumlah RM755.4 juta akibat banjir atau banjir kilat meliputi kediaman sebanyak RM168.3 juta; kenderaan (RM22.3 juta), premis perniagaan (RM53.2 juta) dan pembuatan (RM10.3 juta). Selain itu, ia turut melibatkan kerugian industri pertanian sebanyak RM120.6 juta serta aset awam dan infrastruktur (RM380.7 juta).

Bencana banjir tahun lalu meningkatkan kita kepada banjir di Kuala Lumpur pada Januari 1971 yang mengorbankan 32 orang dan 180,000 rakyat terjejas.

Kejadian banjir ini yang mengakibatkan kerajaan kerugian ratusan juta ringgit dan kemusnahan infrastruktur serta harta benda rakyat mungkin boleh ditangani atau sekurang-kurangnya dapat mengurangi kemusnahannya dengan langkah menyediakan dan menyelenggara sistem perparitan, mendalamkan sungai atau menyediakan kolam takungan air, menaik taraf sistem amaran banjir, kawal pembangunan dan pembalakan di hutan dan pastikan pengurusan sisa sampah dilaksanakan dengan baik.

Kata seorang mangsa tiga kali banjir kilat: "Kita amat berharap kerajaan serius tangani masalah banjir kilat ini. Rakyat sudah penat, apatah lagi dengan kehilangan harta benda."

Imran Mohamad Nor adalah Pengarang Berita Utusan Malaysia